

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PNB ENDAH - BERSAMA ANAK-ANAK ISTIMEWA DAN ANAK-ANAK YATIM
SEMPENA MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2001
Lokasi : DEWAN PERBANDARAN MPKB, KOTA BHARU, KELANTAN
Tarikh : 20-04-2001

Pertamanya saya bersyukur kepada Allah S.W.T. dan mengucapkan terima kasih di atas undangan untuk bersama- sama dengan tuan-tuan dan puan-puan bagi meraikan anak- anak istimewa dan anak-anak yatim yang hadir pada hari ini di majlis PNB Endah-Bersama Anak-anak Istimewa dan Anak-anak Yatim, sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2001.

2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada PNB kerana usahanya menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia dengan mengadakan aktiviti meraikan kanak-kanak yang istimewa dan anak-anak yatim ini. Program PNB- Endah mencerminkan sifat keprihatinan PNB terhadap golongan yang kurang bernasib baik dan ini harus dialu- alukan.

3. Kepekaan PNB menghulurkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan bantuan harus dipuji. Ianya selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan sebuah masyarakat penyayang dan prihatin akan keperluan dan kesejahteraan golongan lain yang kurang bernasib baik.

4. Dalam hal ini, anak-anak istimewa dan anak-anak yatim di negara ini sungguh bertuah kerana diberi perhatian dan bantuan supaya dapat hidup sempurna seperti kanak-kanak lain.

5. Saya difahamkan bahawa syarikat-syarikat dalam Kumpulan PNB turut menyampaikan sumbangan kepada enam buah rumah kebajikan di negeri Kelantan ini. Saya percaya sumbangan ini amat bermakna sekali bagi mereka yang memerlukannya. Keprihatinan Kumpulan PNB kepada keperluan golongan ini amat terpuji dan sebagai "ibu" kepada anak-anak ini, saya mengucapkan terima kasih atas sumbangan ini. Saya berbangga melihat sektor swasta tidak lupa akan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat.

6. Program yang dijalankan oleh PNB seperti PNB Endah ini patut digalakkan kerana ia memberi peluang yang baik kepada anak-anak yang kurang bernasib baik ini.

7. Akhir sekali saya mengucapkan syabas kepada PNB dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya yang begitu peka kepada golongan yang kurang bernasib baik. Saya berharap usaha murni dan sikap prihatin ini akan terus dilaksanakan di masa-masa hadapan demi membina insan yang cemerlang.